

Soalan 1 – 4

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

1. Semak di belakang rumah Pak Cik Ismail telah ditebas oleh kami petang semalam.
 A menebas oleh kami
 B kami menebas
 C kami tebas
 D ditebas oleh kami
2. Seorang daripada peserta pertandingan catur peringkat sekolah itu telah menarik diri pada saat-saat akhir.
 A tarik diri dalam
 B tarik diri di
 C menarik diri di
 D menarik diri pada
3. Sejak Encik Ahmad dinaikkan pangkat sebagai pengurus kilang itu, kehidupannya sekarang sudah sangat senang-lenang.
 A sudah senang-lenang
 B sangat senang-lenang
 C sangat sudah senang-lenang
 D sudah sangat senang-lenang
4. Penduduk Kampung Tuah memperlebarkan jalan ke sungai itu dengan bergotong-royong.
 A memperlebar jalan ke sungai itu
 B memperlebar jalan ke sungai itu secara
 C memperlebar jalan ke sungai itu secara
 D memperlebar jalan ke sungai itu dengan

Soalan 5 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

5. I “Apakah pendapat anda tentang kenaikan harga beras baru-baru ini?” tanya wartawan itu.
 II Kerajaan telah menyediakan pelbagai prasarana yang baik sama ada di luar bandar atau di bandar.
 III Harum sekali bunga-bunga yang berkembang di taman itu.
 IV Berpuluh orang murid yang mengalami keracunan makanan itu telah dihantar ke hospital.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
6. I Semua murid yang sedang belajar di sekolah yang baru dibuka itu.
 II Lembu-lembu Pak Mail bertempiran di padang sambil meragut rumput.
 III Penemuan kereta mangsa itu sangat penting kepada pihak polis.
 IV Kerja-kerja membaik pulih balai raya itu akan bermula esok.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
7. I “Cuaca tiga bulan ini sungguh panas betul,” kata ayah sambil mengipas-ngipas badannya.
 II Para peragawan itu sedang memperagakan pakaian rekaan Encik Darius yang terbaru.
 III Amirul Aqmal menerima hadiah daripada ayah kerana lulus dalam peperiksaan dengan cemerlang.
 IV Kejayaan seseorang murid itu banyak bergantung pada usahanya sendiri.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

8. I Pameran angkasa lepas itu amat menarik perhatian kanak-kanak.
II Para belia digalakkan supaya menceburi bidang perniagaan daripada melepak sahaja.
III Semasa Hari Guru, Aimi menghadiahkan sejambak bunga kepada guru kelasnya.

- IV Beliau akan memberikan ceramah dalam majlis itu berapa lamakah?
A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Kenal pasti pola ayat bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA), atau Frasa Nama + Frasa Sendi (FN + FS).

1. Pusat peranginan ini sungguh bersih dan bersih.

2. Risalah ini tentang pulau-pulau di Malaysia.

3. Sudah sepuluh tahun Cikgu Azahar mengajar di sekolah ini.

4. Para nelayan itu ke laut untuk mencari rezeki.

5. Anak-anak kucing itu mengiau dengan kuat sekali.

6. Pak Cik Daud sedang membersihkan kawasan kebunnya.

7. Kelima-lima orang itu pelancong tempatan.

8. Program alam sekitar ini terbuka kepada semua murid.

9. Penyertaan syarikat swasta dalam program ini amat dialu-alukan.

10. Ceramah itu tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
